**HANTU BUSUT**
Dusky Eagle-owl

FAMILI: Strigidae
NAMA SAINTIFIK: *Bubo coromandus*



**CIRI-CIRI**
Individu dewasa bagi sub-spesies *B.c.klossii* menyerupai spesies Hantu ikan, *Ketupa zeylonensis*, tetapi bahagian atas badan berwarna coklat kekelabuan yang gelap dan tidak terdapat sebarang jalur manakala bahagian bawah badan adalah lebih gelap dan berwarna kelabu yang lebih terang serta kurang terdapat jalur-jalur yang gelap. Individu ini mempunyai jalur pada bahagian telinga yang lebih tegak manakala bahagian primer sayap tidak berjalur. Individu ini mempunyai bahagian kaki yang berbulu dan bahagian mata yang berwarna kuning. Bagi individu juvenil pula, bahagian kepala dan badan berwarna krim keputihan dan terdapat jalur-jalur lurus yang cerah. Individu ini mempunyai bahagian sayap dan ekor yang tidak berjalur (menyerupai individu dewasa). Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 54-58 sm.

**MAKANAN**
Makanan utama terdiri daripada burung yang bersaiz kecil, tikus dan serangga. Sesetengah spesies memakan haiwan invertebrata, amfibia, reptilia dan ikan.

**HABITAT**
Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan yang terbuka, selalunya di kawasan yang rendah berdekatan dengan kawasan berair.

**BUNYI**
Burung ini mengeluarkan bunyi yang kuat ***kok kok kok-kok-kokaloo*** atau ***wo wo wo-o-o-o-o*** seakan-akan bunyi bola ping pong yang dilantun.

**PEMBIAKAN**
Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Disember hingga Mac di mana sarang berbentuk seperti cawan yang kasar di atas dahan pokok yang bercabang. Kadangkala sarang dibina pada bahagian lubang pokok atau sarang spesies burung pemangsa yang lain, pada ketinggian di antara 9-12 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1-4 biji berwarna putih dan berukuran kira-kira 59.2 X 48.3 mm.

**STATUS**
Akta 76/72, diperlindungi sepenuhnya.